PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH

SOALAN : NO. 78

YB Dato' Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bilangan dan peratus graduan yang tidak mendapat pekerjaan dan gaji yang sesuai dengan kelulusan yang diperolehi dalam tempoh 6 bulan selepas menamatkan pengajian dan apakah langkah Kerajaan bagi meningkatkan kebolehpasaran (employability) graduan serta adakah Kerajaan bercadang menyediakan latihan industri khusus kepada bakal graduan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan **Sistem Kajian Pengesanan Graduan** bagi tahun 2015, sebanyak 23.9% (54,867) dari 229,568 graduan yang dikaji masih belum bekerja dalam tempoh 3 bulan sebelum konvokesyen. Kajian di peringkat antarabangsa adalah lebih panjang iaitu satu tahun sebagai penanda aras kebolehpasaran. Jumlah yang bekerja akan lebih meningkat sekiranya tanda aras satu tahun digunakan.

Sementara itu, sebanyak **70.6% graduan peringkat pengajian PhD** mempunyai gaji pada kadar **RM5001 dan ke atas**. Manakala sebanyak **41.2% graduan peringkat pengajian Sarjana** dan **27.3% graduan peringkat Sarjana Muda** menerima gaji pada kadar **RM3001 - RM5000.**

Sebanyak **36.8% graduan peringkat pengajian Diploma** pula mempunyai gaji pada kadar **RM1001 - RM1500**.

Bagi menangani isu pengangguran dan membantu mahasiswa meningkatkan keupayaan sara diri mereka selepas bergraduat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan Program Kebolehpasaran Graduan (*Graduate Employability*, GE). Program GE bertujuan meningkatkan nilai tambah graduan daripada aspek kelayakan profesional dalam bidang masing-masing, keterampilan diri dan sahsiah bagi membantu pelajar-pelajar memperoleh pekerjaan dan relevan dengan keperluan majikan dalam pelbagai sektor. Ia juga dibantu oleh Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) dan juga Talent Corp.

Untuk pelajar yang sedang belajar, beberapa program dilaksanakan seperti usahawan siswa di mana mahasiswa digalakkan untuk berniaga di dalam dan luar kampus. Ruang-ruang niaga disediakan di dalam kampus dan beberapa program dengan kerjasama PUNB, TERAJU, MTDC dan lain-lain.

Program Integrated Cumulative Grade Point Average juga membantu pelajar-pelajar di mana program ini bukan hanya mentaksir pelajar berdasarkan akademik semata-mata. Malah, pelajar juga ditaksir dari segi keusahawanan, kemampuan pengurusan, kemahiran sosial dan juga kemahiran berkomunikasi. iCGPA bukan hanya dinilai selepas mereka bergraduat, tetapi juga dinilai semasa sedang belajar.

Melalui program CEO@Fakulti, pelajar-pelajar akan didedahkan dengan syarahan oleh tokoh korporat seperti Tan Sri Azman Mokhtar, Tony Fernandes, Abraham Liew daripada HUAWEI, CEO Samsung, CEO CIMB,

Maybank, Motorola dan sebagainya. Selain daripada mendengar syarahan, pelajar juga dapat berinteraksi dengan CEO dan program ini juga akan membantu menambahbaik kurikulum dan meningkatkan kolaborasi antara akademia dan pihak industri.

Selain itu, pelaksanaan Program 2U2I iaitu program 2 tahun di universiti dan 2 tahun di industri akan dilaksanakan di UMK dalam bidang keusahawanan dan UPM dalam bidang pengurusan ladang bermula pada bulan September 2016. Program profisiensi Bahasa Inggeris juga telah menampakkan peningkatan di mana pencapaian band 3 dalam ujian MUET telah meningkat sebanyak 27%.